

PEPERIKSAAN PENTENGAHAN TAHUN [PKBS2]

1103/1

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Mei

2 ¼ jam

Dua jam limabelasminit

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

- 1 *Kertas soalan in imengandungi dua bahagian :Bahagian A dan Bahagian B.*
- 2 *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
- 3 *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
- 4 *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi*

---


Kertassoalaninimengandungi 3 halamanbercetakdan 1 halamantidakbercetak

**BAHAGIAN A**

[30 markah]

[Masa dicadangkan: 45minit]

Lihat gambar di bawah dengan teliti .Huraikan pendapat anda tentang **kepentingan hidup berjiran**. Panjangnya huraian hendaklah **antara 200 hingga 250 patah perkataan**.

**Amalan Hidup Berjiran**

Mengeratkan  
hubungan

Mewujudkan persekitaran  
yang selamat

Bantuan ketika  
kecemasan

**BAHAGIAN B**

[100 markah]

[Masa dicadangkan: 1 jam 30minit]

Pilih *satu* daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

- 1 Sambutan Hari Ibu diadakan pada setiap tahun demi menghargai jasa dan pengorbanan mereka.

Sebagai anak yang penyayang, jelaskan usaha-usaha yang anda lakukan untuk menzahirkan rasa kasih sayang tersebut.

- 2 Setiap ahli keluarga memainkan peranan dalam usaha mengurangkan bebanan ekonomi dalam rumah tangga.

Sebagai Pengerusi Kelab Pengguna di sekolahanda diminta menyampaikan ucapan tentang langkah-langkah berhemat yang boleh diambil oleh setiap ahli keluarga untuk mengatasi masalah tersebut.

Tulis teks ucapan anda selengkapnya.

- 3 Pengangkutan awam di negara kita kurang mendapat sambutan daripada pengguna.

Nyatakan sebab-sebab pengguna lebih berminat untuk menggunakan kenderaan sendiri berbanding pengangkutan awam.

- 4 Kerjasama dan perkongsian Malaysia dengan negara-negara serantau seperti ASEAN member pelbagai manfaat kepada negara yang terlibat.

Jelaskan manfaat-manfaat tersebut.

- 5 Peribahasa “Genggam bara api biar sampai jadi arang” membawa maksud jika melakukan sesuatu kerja yang sukar hendaklah bersama-sama hingga berjaya.

Tulis sebuah cerita berdasarkan maksud peribahasa tersebut.

## SKEMA PKBS2

## Bahasa Melayu Kertas 1 dan 2

## Sijil Pelajaran Malaysia

## Prawacana

Item	Karangan Bahagian A	Karangan Bahagian B
Peruntukan masa	<i>45 minit</i>	<i>90 minit</i>
Bilangan perkataan	<i>200 hingga 250 pp</i>	<i>Lebih 350 pp</i>
Bilangan muka surat	<i>2 halaman</i>	<i>4 halaman</i>
Bilangan Perenggan	<i>5 perenggan</i>	<i>7 perenggan</i>
Bilangan isi	<i>3 isi</i>	<i>5 isi</i>
Jumlah markah	<i>30 markah</i>	<i>100 markah</i>

## Kriteria Penskoran Karangan Bahagian A

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
<b>Cemerlang</b>	<b>26 – 30</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Karangan <b>menepati</b> tema bahan rangsangan.</li> <li>Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas dan <b>tepat</b> serta <b>sesuai</b>.</li> <li>Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan <b>ungkapan yang menarik dan tepat</b> serta <b>sesuai</b>.</li> <li>Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan jelas dan <b>matang</b>.</li> </ul>
	(28 – 30)	
	(26 – 27)	
<b>Kepujian</b>	<b>20 – 25</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Karangan <b>menepati</b> tema bahan rangsangan.</li> <li>Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata <b>luas</b>.</li> <li>Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi.</li> <li>Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan <b>jelas</b>.</li> </ul>
	(23 - 25)	
	(20 – 22)	

<b>Memuaskan</b>	<b>15 – 19</b>  (17 - 19)  (15 – 16)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>masih</b> menepati tema bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa <b>masih</b> gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca <b>masih</b> betul dan tepat. Ejaan <b>masih</b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata <b>umum</b>.</li> <li>• Wacananya <b>masih</b> lengkap. Unsur bahasa <b>masih</b> bervariasi.</li> <li>• Idea <b>masih</b> relevan dengan tema bahan rangsangan. Huraian idea <b>masih</b> jelas.</li> </ul>
<b>Kurang Memuaskan</b>	<b>10 – 14</b>  (12 - 14)  (10 – 11)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>kurang</b> menepati tema bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa <b>kurang</b> gramatis dari segi kata dan ayat. <b>Kesalahan-kesalahan tata bahasa ketara</b>. Ejaan <b>masih</b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru tetapi terdapat <b>kesalahan ejaan yang ketara</b>. Penggunaan kosa kata <b>terhad</b> (<i>Ayat yang pendek</i>)</li> <li>• Wacanya <b>kurang</b> lengkap. Unsur bahasa <b>kurang</b> bervariasi.</li> <li>• Idea <b>kurang</b> relevan dengan tema bahan rangsangan dan huraianya <b>kurang jelas</b>.</li> </ul>
<b>Pencapaian minimum</b>	<b>01 – 09</b>  (06 - 09)  (01 – 05)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Calon <b>tidak</b> menunjukkan penguasaan kemahiran menulis.</li> <li>• <b>Banyak</b> kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.</li> <li>• Idea <b>kurang</b> menepati tema bahan rangsangan.</li> </ul>

### Kriteria Penskoran Karangan Bahagian B

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
<b>Cemerlang</b>	<b>80 – 100</b>  (90 – 100)  (80 – 89)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang sangat luas dan tepat.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis ayat majmuk</b> yang gramatis.</li> <li>• <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> yang betul.</li> <li>• <b>Laras bahasa</b> sesuai dengan tugas.</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata</b> sangat luas dan tepat.</li> <li>• <b>Idea yang relevan</b> mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai. Ada penegasan isi.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> sangat menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai.</li> <li>• <b>Wacana</b> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa bervariasi</b>.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> </ul>
<b>Kepujian</b>	<b>66 – 79</b>  (73 - 79)  (66 – 72)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang tepat.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis ayat majmuk</b> yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum.</li> <li>• <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> yang betul.</li> <li>• <b>Laras bahasa</b> sesuai dengan tugas.</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata</b> luas dan tepat.</li> <li>• <b>Idea yang relevan</b> mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas, disertakan dengan contoh yang sesuai.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai.</li> <li>• <b>Wacana</b> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa bervariasi</b>.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata</li> </ul>
<b>Baik</b>	<b>51 – 65</b>  (58 - 65)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang sesuai.</li> <li>• Penggunaan <b>ayat majmuk</b> yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum.</li> <li>• <b>Ejaan</b> dan <b>tanda bacamasih</b> betul.</li> <li>• <b>Laras bahasa</b> sesuai dengan tugas.</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata</b> masih tepat.</li> <li>• <b>Idea masih relevan</b> mengikut tugas, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai..</li> <li>• <b>Pengolahan</b> masih menarik dan pemerenggan masih sesuai.</li> </ul>

	(51 – 57)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Wacana</b> masih lengkap.</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa masih bervariasi</b>.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> masih menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan masih berkesan.</li> </ul>
<b>Memuaskan</b>	36 – 50  (43 - 50)  (36 – 42)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> masih/kurang tepat.</li> <li>• <b>Ayat masih/kurang gramatis</b>.</li> <li>• <b>Ejaan dan tanda baca</b> betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum.</li> <li>• <b>Laras bahasa</b> masih/kurang sesuai.</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata</b> umum.</li> <li>• <b>Idea masih relevan</b> mengikut tugas, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai..</li> <li>• <b>Pengolahan</b> kurang menarik.</li> <li>• <b>Wacana</b> masih/kurang lengkap.</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa masih/kurang bervariasi</b>.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> masih/kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.</li> </ul>
<b>Kurang Memuaskan</b>	21 – 35  (28 - 35)  (21 – 27)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>kata</b> kurang tepat.</li> <li>• <b>Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami</b>.</li> <li>• Terdapat <b>kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara</b>.</li> <li>• <b>Idea masih relevan / idea bercampuraduk</b> dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> tidak menarik.</li> <li>• <b>Wacana</b> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang.</li> <li>• <b>Unsur bahasa tidak bervariasi</b>.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah.</li> </ul>
<b>Pencapaian Minimum</b>	01 – 20  (11 - 20)  (01 – 10)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis.</li> <li>• Terdapat <b>kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara</b>.</li> <li>• <b>Idea bercampur aduk</b> dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> tidak menarik.</li> <li>• <b>Wacana</b> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai.</li> <li>• <b>Gaya bahasa</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik.</li> <li>• <b>Keseluruhan karangan sukar/tidak difahami</b>.</li> </ul>

\* **Ungkapan menarik :**      *peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.*

## BAHAGIAN A

Isi-isi penting

1. Dapat mengeratkan hubungan silaturahmi antara jiran tetangga
2. Dapat mewujudkan persekitaran yang bersih dan selamat
3. Senang mendapat bantuan ketika menghadapi kecemasan

## BAHAGIAN B

1. Tema: Menghargai jasa dan pengorbanan ibu

Kata kunci soalan: Usaha- **usaha anda** untuk menzahirkan rasa kasih sayang tersebut

Cadangan isi-isi penting

1. Menolong ibu melakukan kerja rumah
2. Menghormati ibu sepanjang masa
3. Sentiasa menghubungi ibu jika tinggal berjauhan
4. Sentiasa menjaga nama baik keluarga
5. belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai keputusan yang cemerlang

- Isi-isi lain yang relevan boleh diterima

2. Tema: Bebanan ekonomi dalam rumah tangga

Kata kunci soalan: Langkah-langkah berhemat **oleh setiap ahli keluarga** untuk mengatasi masalah tersebut

Karangan berformat : Ucapan

Cadangan isi-isi penting

1. Ibu bapa suri teladan kepada anak-anak- tidak boros ketika berbelanja
2. Menyediakan bekalan kepada anak-anak ke sekolah
3. Mengamalkan makan di rumah
4. Menanam sendiri sayur-sayuran di sekeliling rumah
5. Guna air dan elektrik dengan cermat
6. Menabung wang saku

- \*Isi-isi lain yang relevan boleh diterima



## 3. Tema: Pengangkutan awam

Kata kunci soalan: Sebab-sebab pengguna lebih suka menggunakan kenderaan sendiri berbanding pengangkutan awam

Cadangan isi-isi penting

1. Kenderaan sendiri lebih privasi/ bebas/tidak perlu bersesak-sesak
2. Tidak perlu menunggu lama
3. Tambang pengangkutan awam yang mahal
4. Pengangkutan awam yang tidak kondusif
5. Sukar untuk mendapat pengangkutan awam di tempat tinggal mereka

\*Isi isi lain yang relevan boleh diterima

## 4. Tema: Kerjasama dan perkongsian dengan Negara serantau

Kata kunci soalan: manfaat-manfaat kepada negara yang terlibat

Cadangan isi-isi penting

1. Dapat berkongsi maklumat dan kepakaran
2. Dapat mengembangkan ekonomi
3. Dapat mempertingkatkan dan mengawal keselamatan sempadan
4. Dapat berkongsi sosio budaya
5. Dapat mengatasi jenayah rentas sempadan

\*Isi-isi yang relevan boleh diterima

## 5. Format : Cerpen

Tiada Tajuk tolak 1 Markah

Tiada Pengarang/Penulis tolak 1 Markah

- Pelajar dapat menulis sebuah cerpen yang sesuai dengan maksud peribahasa yang diberi.